مَنْظُومَةُ عَقِيْدَةِ الْعَوَامِ

Manzumah ‘Aqidatul ‘Awam

نظم الشيخ أحمد المرزوقي المالكي

Susunan Asy-Syeikh Ahmad Al-Marzuqi Al-Maliki



أَبْدَأُ بِاسْمِ اللهِ وَالرَّحْمَنِ ﴿01﴾ وَبِالرَّحِيْمِ دَائِمِ الْإِحْسَانِ

Saya mulakan penulisan nazam ini dengan Nama Allah ﷻ, Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Pengasih yang selalu menganugerahkan kebajikan.

فَالْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَدِيْمِ الْأَوَّلِ ﴿02﴾ الْآخِرِ الْبَاقِيْ بِلَا تَحَوُّلِ

Segala puji bagi Allah ﷻ; Yang Qadim, Yang Awal (tanpa permulaan), Yang Akhir (tanpa penghujung), Yang Kekal Abadi tanpa perubahan.

ثُمَّ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ سَرْمَدَا ﴿03﴾ عَلَى النَّبِيِّ خَيْرِ مَنْ قَدْ وَحَّدَا

Seterusnya, semoga rahmat dan kesejahteraan Allah ﷻ sentiasa terlimpah ke atas Nabi ﷺ; sebaik-baik insan yang mengesakan Allah ﷻ.

وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعْ ﴿04﴾ سَبِيْلَ دِيْنِ الْحَقِّ غَيْرَ مُبْتَدِعْ

Dan juga keluarganya, para sahabatnya dan orang yang mengikuti jalan agama yang hak tanpa di tambah-tambah.

وَبَعْدُ فَاعْلَمْ بِوُجُوْبِ الْمَعْرِفَهْ ﴿05﴾ مِنْ وَاجِبٍ لِلّٰهِ عِشْرِيْنَ صِفَهْ

Selanjutnya, ketahuilah dengan yakin bahawa Allah ﷻ itu mempunyai 20 sifat yang wajib.

فَاللهُ مَوْجُــوْدٌ قَدِيْــمٌ بَاقِي ﴿06﴾ مُخَــالِفٌ لِلْخَلْقِ بِالْإِطْلَاقِ

Iaitu Allah ﷻ itu (1) **Maujud** (ada), (2) **Qadim** (telah ada sebelum adanya segala sesuatu), (3) **Baqii** (kekal abadi tanpa akhir), (4) **Mukhaluful Lil Khalq** (bertentangan dengan makhluk) secara mutlak.

وَقَــائِمٌ غَنِيٌّ وَوَاحِــدٌ وَحَيْ ﴿07﴾ قَادِرٌ مُرِيْدٌ عَالِمٌ بكلِّ شَيْ

(5) **Qaim** (berdiri dengan sendiri tidak memerlukan bantuan sesiapa) Yang Maha Kaya, (6) **Waahidun** (Yang Maha Esa), (7) **Hayyun** (Yang Maha Hidup tidak akan mati), (8) **Qaadirun** (Yang Maha Berkuasa), (9) **Muriidun** (Yang Maha Berkehendak), (10) **'Aalimun** (Yang Maha Mengetahui) segala sesuatu.

سَمِيْعٌ الْبَصِيْــرُ والْمُتَكَلِّــمُ ﴿08﴾ لَهُ صِفَــاتٌ سَبْعَةٌ تَنْــتَظِمُ

(11) **Samii'** (Yang Maha Mendengar), (12) **Bashiir** (Yang Maha Melihat), (13) **Mutakallim** (Maha Berbicara), Allah ﷻ juga mempunyai 7 sifat yang teratur.

فَقُدْرَةٌ إِرَادَةٌ سَمْــعٌ بَصَــرْ ﴿09﴾ حَيَاةٌ الْعِلْمُ كَلَامٌ اسْــتَمَرْ

Iaitu (Sifat Ma'ni): (14) **Qudrah** (Berkuasa), (15) **Iradah** (Berkehendak), (16) **Sama'** (Mendengar), (17) **Bashor** (Melihat), (18) **Hayaat** (Hidup), (19) **Al-'Ilmu** (Berpengetahuan), (20) **Kalaam** (Bercakap) secara terus menerus.

وَجَــائِزٌ بِفَضْــلِهِ وعَدْلِــهِ ﴿10﴾ تَرْكٌ لِكُلِّ مُمْــكِنٍ كَفِعْــلِهِ

Dengan kurniaan dan keadilanNya, Allah ﷻ memiliki **Sifat Harus,** iaitu harus Dia melakukan segala sesuatu atau meninggalkannya.

أَرْسَلَ أَنْبِيَا ذَوِي فَطَــانَــهْ ﴿11﴾ بِالصِّدْقِ وَالتَّبْلِيْــغِ وَالْأَمَــانَهْ

Allah ﷻ telah mengutus para nabi yang memiliki 4 sifat yang wajib, iaitu: (1) Fatonah (cerdik), (2) Siddiq (jujur), (3) Tabligh (menyampaikan), (4) Amanah (dipercayai).

وَجَائِزٌ فِي حَقِّهِمْ مِنْ عَرَضٍ ﴿12﴾ بِغَيْرِ نَقْصٍ كَخَفِيْــفِ الْمَرَضِ

Sifat yang harus bagi mereka ialah kebiasaan yang berlaku kepada manusia biasa tanpa mengurangi kedudukannya sebagai nabi seperti mengalami sakit yang ringan.

عِصْمَتُهُمْ كَسَــائِرِ الْمَلَآئِكَهْ ﴿13﴾ وَاجِبَةٌ وَفَــاضَلُوا الْمَلَآئِكَــهْ

Sifat **maksum** mereka (mendapat perlindungan Allah ﷻ daripada melakukan dosa) seperti juga para Malaikat, adalah wajib. Bahkan, para Nabi lebih utama daripada para Malaikat.

وَالْمُسْتَحِيْلُ ضِدُّ كُلِّ وَاجِبٍ ﴿14﴾ فَاحْفَظْ لِخَمْسِيْنَ بِحُكْمٍ وَاجِبٍ

Dan **Sifat Mustahil,** adalah lawan semua sifat yang wajib. Maka wajiblah kamu menghafal 50 sifat ini.

تَفْصِيْلُ خَمْسَةٍ وَعِشْرِيْـنَ لَزِمْ ﴿15﴾ كُلَّ مُكَلَّفٍ فَحَقِّـقْ وَاغْـتَنِمْ

Wajib bagi mukallaf meyakini dan berusaha mengetahui 25 nama Rasul yang disebut di dalam Al-Qur’an secara terperinci.

هُمْ آدَمٌ اِدْرِيْـسُ نُوْحٌ هُوْدُ مَعْ ﴿16﴾ صَالِحْ وَإِبْرَاهِيْـمُ كُلٌّ مُتَّـبَعْ

Mereka ialah (1) Adam ﵇, (2) Idris ﵇, (3) Nuh ﵇, (4) Hud ﵇ beserta, (5) Soleh ﵇ dan, (6) Ibrahim ﵇ yang masing-masing wajib diikuti.

لُوْطٌ وَاِسْمَاعِيْـلُ اِسْحَاقٌ كَذَا ﴿17﴾ يَعْقُوْبُ يُوْسُفُ وَأَيُّوْبُ احْتَذَى

Seterusnya, (7) Luth ﵇, (8) Isma’il ﵇ dan, (9) Ishaq ﵇. Begitu juga (10) Ya’qub ﵇, (11) Yusuf ﵇ dan, (12) Ayyub ﵇ yang mengikut jejak langkah para nabi sebelumnya.

شُعَيْبُ هَارُوْنُ وَمُوْسَى وَالْيَسَعْ ﴿18﴾ ذُوْ الْكِفْلِ دَاوُدُ سُلَيْمانُ اتَّـبَعْ

(13) Syu’aib ﵇, (14) Harun ﵇, (15) Musa ﵇, (16) Alyasa’ ﵇, (17) Zulkifli ﵇, (18) Daud ﵇, (19) Sulaiman ﵇ yang selanjutnya.

إِلْيَاسُ يُـوْنُسُ زَكَرِيَّا يَحْـيَى ﴿19﴾ عِيْـسَى وَطَـهَ خَاتِمٌ دَعْ غَـيَّا

(20) Ilyas ﵇, (21) Yunus ﵇, (22) Zakaria ﵇, (23) Yahya ﵇, (24) ‘Isa ﵇ dan, (25) Thoha ﷺ sebagai nabi penutup dan tinggalkanlah kecenderungan kepada kesesatan.

عَلَيْـهِمُ الصَّـلاَةُ وَالسَّـلاَمُ ﴿20﴾ وَآلِهِـمْ مَـا دَامَـتِ الْأَيَّـامُ

Semoga rahmat dan kesejahteraan daripada Allah ﷻ terlimpah ke atas mereka dan keluarga mereka sepanjang masa.

وَالْـمَلَكُ الَّذِي بِلاَ أَبٍ وَأُمِّ ﴿21﴾ لاَ أَكْلَ لاَ شُرْبَ وَلاَ نَوْمَ لَهُـمْ

Ketahuilah, bahawa Malaikat itu tidak mempunyai ayah dan ibu, tidak makan, tidak minum dan tidak juga tidur.

تَفْصِيْـلُ عَشْرٍ مِنْهُمُ جِبْرِيْلُ ﴿22﴾ مِيْـكَالُ إِسْرَافِيْـلُ عِزْرَائِيْـلُ

Perincian bilangan mereka adalah 10, iaitu (1) Jibril ﵇, (2) Mikail ﵇, (3) Israfil ﵇, (4) ‘Izrail ﵇.

مُنْكَرٌ نَكِيْـرٌ وَرَقِيْـبٌ وَكَذَا ﴿23﴾ عَتِيْـدٌ مَالِكٌ وَرِضْوَانُ احْـتَذَا

(5) Munkar ﵇ dan, (6) Nakir ﵇, (7) Raqib ﵇ dan jua, (8) ‘Atid ﵇, (9) Malik ﵇ dan seterusnya, (10) Ridhwan ﵇.

أَرْبَعَةٌ مِنْ كُتُبٍ تَفْـصِيْـلُهَا ﴿24﴾ تَوْرَاةُ مُـوْسَى بِالْهُدَى تَنْـزِيْلُهَا

Terdapat 4 buah **Kitab Suci** yang diturunkan sebagai petunjuk kepada manusia. Secara terperincinya ialah **Taurat** yang diturunkan kepada Nabi Musa ﵇.

زَبُـــوْرُ دَاوُدَ وَإِنْجِيْـــلُ عَلَى ﴿25﴾ عِيْسَى وَفُرْقَانٌ عَلَى خَيْـــرِ الْمَلاَ

Zabur diturunkan kepada Nabi Daud عليه السلام, **Injil** diturunkan kepada Nabi ‘Isa عليه السلام dan **Al-Furqan** (Al-Qur’an) diturunkan kepada sebaik-baik manusia (Nabi Muhammad ﷺ).

وَصُحُفُ الْخَلِيْـــلِ وَالْكَلِيْمِ ﴿26﴾ فِيْـــهَا كَلاَمُ الْـــحَكَمِ الْـــعَلِيْـــمِ

Dan **Suhuf** (lembaran-lembaran suci) diturunkan kepada **Al-Khalil** (Nabi Ibrahim عليه السلام) dan **Al-Kalim** (Nabi Musa عليه السلام). Di dalamnya, terdapat fiirman-firman yang penuh hikmah kepunyaan Tuhan Yang Maha Mengetahui.

وَكُلُّ مَا أَتَـــى بِهِ الرَّسُـــوْلُ ﴿27﴾ فَحَقُّهُ التَّسْـــلِيْـــمُ وَالْقَبُوْلُ

Segala yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ, maka wajiblah ke atas mukallaf tunduk, patuh dan menerimanya,

إِيْـــمَانُنَا بِيَـــوْمٍ آخِرٍ وَجَبْ ﴿28﴾ وَكُلِّ مَا كَانَ بِهِ مِنَ الْعَجَبْ

Wajib bagi kita mengimani kedatangan **Hari Akhirat** (Hari Kiamat) dan semua kejadian yang mengajaibkan.

خَاتِمَةٌ فِي ذِكْرِ بَاقِي الْوَاجِبِ ﴿29﴾ مِمَّا عَلَى مُكَلَّفٍ مِنْ وَاجِبِ

Inilah ialah penutup yang akan disebut mengenai perkara yang wajib dipercayai dan diimani oleh mukallaf.

نَبِيُّـــنَا مُحَمَّـــدٌ قَـــدْ أُرْسِلاَ ﴿30﴾ لِلْعَالَمِيْـــنَ رَحْـــمَةً وَفُضِّلاَ

Iaitu, Nabi kita Muhammad ﷺ yang telah diutuskan kepada seluruh alam sebagai rahmat dan kurniaan Allah ﷻ.

أَبُوْهُ عَبْدُ اللهِ عَبْدُ الْمُطَّلِبْ ﴿31﴾ وَهَاشِمٌ عَبْدُ مَنَافٍ يَنْـــتَسِبْ

Ayahandanya ialah ‘Abdullah ibn ‘Abdul Muththolib ibn Hasyim ibn ‘Abdu Manaf yang berhubungan nasab.

وَأُمُّـــهُ آمِـــنَةُ الزُّهْـــرِيَّـــهْ ﴿32﴾ أَرْضَعَتْـــهُ حَلِيْـــمَةُ السَّعْدِيَّةْ

Manakala bondanya ialah Aminah dari suku Zuhrah. Baginda ﷺ disusui oleh Halimah dari suku Sa’ad.

مَـــوْلِدُهُ بِمَكَّـــةَ الأَمِيْـــنَةْ ﴿33﴾ وَفَـــاتُـــهُ بِطَيْـــبَةَ الْمَدِيْـــنَةْ

Tempat kelahirannya ialah di Makkah yang aman, dan Baginda ﷺ wafat di Toibah Madinah Al-Munawwarah.

أَتَمَّ قَبْلَ الْوَحْـــيِ أَرْبَعِيْـــنَا ﴿34﴾ وَعُمْـــرُهُ قَدْ جَاوَزَ السِّـــتِّيْنَا

Baginda ﷺ mendapat wahyu ketika genap berusia 40 tahun. Baginda ﷺ wafat ketika usianya lebih dari 60 tahun (yang masyhur pada usia 63 tahun).

وَسَبْــعَةٌ أَوْلاَدُهُ فَمِنْــهُــمُ ﴿35﴾ ثَلاَثَةٌ مِــنَ الذُّكُــوْرِ تُفْــهَمُ

Perlu kita fahami, bahawa putera dan puteri Baginda ﷺ seramai 7 orang; 3 orang daripada mereka ialah lelaki.

قَاسِمْ وَعَبْدُ اللهِ وَهْوَ الطَّيِّبُ ﴿36﴾ وَطَــاهِــرٌ بِذَيْــنِ ذَا يُلَقَّبُ

Iaitu (1) Qasim, (2) ‘Abdullah yang digelar dengan Toyyib (ertinya baik) dan Tohir (ertinya suci).

أَتَاهُ إِبْرَاهِيْــمُ مِنْ سَرِيَّــةْ ﴿37﴾ فَــأُمُّــهُ مَــارِيَــةُ الْقِبْطِــيَّةْ

Berikutnya, (3) Ibrahim yang lahir dari hamba perempuan, maka bondanya ialah Mariyah Al-Qibtiyyah (Mariyah dari bangsa qibti di Mesir).

وَغَيْرُ إِبْرَاهِيْمَ مِنْ خَدِيْجَةْ ﴿38﴾ هُمْ سِتَّةٌ فَخُذْ بِهِــمْ وَلِيْــجَةْ

Selain Ibrahim, kesemuanya lahir dari Khadijah, mereka seramai 6 orang, maka kenalilah mereka dengan perasaan kasih yang berpanjangan.

وَأَرْبَعٌ مِنَ الْإِنَاثِ تُــذْكَرُ ﴿39﴾ رِضْوَانُ رَبِّي لِلْجَمِيْــعِ يُذْكَرُ

Disebutkan, 4 daripadanya ialah perempuan. Semoga mereka semua mendapat keredhaan Tuhanku.

فَاطِمَةُ الزَّهْرَآءُ بَعْلُهَا عَلِي ﴿40﴾ وَابْنَاهُمَا السِّبْطَانِ فَضْلُهُمْ جَلِيْ

(4) Fatimah Az-Zahra’ suaminya ialah Imam ‘Ali ؓ dan kedua puteranya (Hasan ؓ dan Husain ؓ) merupakan cucu Rasulullah ﷺ yang keutamaan mereka sudah cukup jelas.

فَزَيْنَبٌ وَبَعْــدُهَا رُقَــيَّةْ ﴿41﴾ وَأُمُّ كُلْثُــوْمٍ زَكَتْ رَضِــيَّةْ

Kemudian (5) Zainab, selepasnya (6) Ruqayyah dan (7) Ummu Kaltsum, wanita yang suci lagi sentiasa penuh redha.

عَنْ تِسْعِ نِسْوَةٍ وَفَاةُ الْمُصْطَفَى ﴿42﴾ خُيِّرْنَ فَاخْتَرْنَ النَّبِيَّ الْمُقْتَفَى

Hendaklah kita mengetahui, bahawa isteri **Al-Mustofa** ﷺ (Nabi pilihan) sesudah kewafatannya seramai 9 orang, iaitu wanita-wanita yang diberi pilihan untuk memilih antara perhiasan dunia dan syurga, maka mereka memilih **Al-Muqtafa** ﷺ (Nabi yang diikuti).

عَــائِشَةٌ وَحَفْــصَةٌ وَسَــوْدَةْ ﴿43﴾ صَفِــيَّةٌ مَيْــمُوْنَةٌ وَرَمْــلَةُ

(1) ‘Aisyah, (2) Hafsah, (3) Saudah, (4) Sofiyyah, (5) Maimunah dan (6) Ramlah.

هِنْدٌ وَزَيْــنَبٌ كَذَا جُوَيْــرِيَّةْ ﴿44﴾ لِلْمُؤْمِنِيْــنَ أُمَّهَاتٌ مَرْضِــيَّةْ

(7) Hindun, (8) Zainab demikian juga (9) Juwairiyyah. Mereka adalah ibu-ibu yang diredhai bagi orang-orang yang beriman.

حَمْــزَةُ عَمُّـــهُ وعَبَّاسٌ كَذَا ﴿45﴾ عَمَّـــتُهُ صَفِـــيَّةٌ ذَاتُ احْـــتِذَا

Hamzah adalah bapa saudara Nabi ﷺ dan ‘Abbas juga bapa saudara Nabi ﷺ (sebelah ayahanda Baginda ﷺ), sedangkan ibu saudara Nabi ﷺ (sebelah ayahanda Baginda ﷺ) adalah Sofiyyah yang patuh kepada Allah dan RasulNya.

وَقَبْــلَ هِجْــرَةِ النَّبِيِّ اْلإِسْــرَا ﴿46﴾ مِنْ مَكَّــةٍ لَيْــلاً لِقُدْسٍ يُدْرَى

Sebelum Nabi ﷺ berhijrah, Baginda ﷺ telah diisra’kan (diperjalankan) pada waktu malam atas kehendak Allah ﷻ dari Makkah ke Baitul Maqdis yang sama-sama sudah diketahui.

بَعْــدَ إِسْــرَآءٍ عُرُوْجٌ لِلسَّمَــا ﴿47﴾ حَتَّــى رَأَى النَّبِيُّ رَبًّا كَلَّمَــا

Sesudah Isra’, Baginda ﷺ dimi’rajkan (naik) ke langit atas kehendak Allah ﷻ hingga Baginda ﷺ melihat Tuhannya dan saling berbicara.

مِنْ غَيْرِ كَيْفٍ وَانْحِصَارٍ وَافْتَرَضْ ﴿48﴾ عَلَيْهِ خَمْسًا بَعْدَ خَمْسِيْنَ فَرَضْ

Tidak membayangkan bagaimana caranya dengan gambaran yang sempit, Allah ﷻ mewajibkan kepada Baginda ﷺ (dan kepada umatnya) kefardhuan solat 5 waktu, setelah sebelumnya difardhukan 50 waktu.

وَبَلَّــغَ اْلأُمَّـــةَ بِاْلإِسْـــرَآءِ ﴿49﴾ وَفَرْضِ خَمْــسَةٍ بِلاَ امْــتِرَآءِ

Peristiwa Isra’ itu telah disampaikan kepada umatnya termasuk kewajipan melaksanakan solat 5 waktu tanpa diragukan lagi.

وَقَدْ فَازَ صِدِّيْــقٌ بِتَصْدِيْــقٍ لَهُ ﴿50﴾ وَبِالْعُرُوْجِ الصِّدْقُ وَافَى أَهْــلَهُ

Maka beruntunglah Sayyiduna Abu Bakar Ash-Shiddiq رضي الله عنه kerana mempercayai Baginda ﷺ, dan dengan peristiwa Mi’raj dia menyetujui dan membenarkan Baginda ﷺ.

وَهَــذِهِ عَقِيْــدَةٌ مُخْــتَصَرَةْ ﴿51﴾ وَلِلْــعَوَامِ سَهْــلَةٌ مُيَسَّــرَةْ

Inilah ‘aqidah yang ringkas dan mudah yang sesuai bagi orang-orang awam.

نَاظِمُ تِلْكَ أَحْــمَدُ الْمَرْزُوْقِيْ ﴿52﴾ مَنْ يَنْتَمِي لِلصَّادِقِ الْمَصْدُوْقِ

Penyusun ‘aqidah ini ialah Ahmad Al-Marzuqi رضي الله عنه yang berhubungan nasabnya (silsilahnya) dengan Rasulullah ﷺ.

وَالْحَمْــدُ للهِ وَصَلَّـــى سَلَّمَا ﴿53﴾ عَلَى النَّبِيِّ خَيْـــرِ مَنْ قَدْ عَلَّمَا

Segala puji bagi Allah ﷻ, rahmat dan kejahteraan ke atas Nabi ﷺ, sebaik-baik insan yang telah mengajar ‘aqidah ini.

وَاْلآلِ وَالصَّحْبِ وَكُلِّ مُرْشِدِ ﴿54﴾ وَكُلِّ مَنْ بِخَيْـــرِ هَدْيٍ يَقْتَدِي

Demikian juga ke atas keluarga, sahabat-sahabat dan setiap orang yang memberi petunjuk, dan setiap orang yang telah mengikut petunjuk itu dengan baik.

وَأَسْأَلُ الْكَرِيْمَ إِخْلاَصَ الْعَمَلْ ﴿55﴾ وَنَفْعَ كُلِّ مَنْ بِهَا قَدِ اشْـــتَغَلْ

Saya memohon ke hadhrat Tuhan Yang Maha Pemurah, keikhlasan beramal dan semoga ia bermanfaat bagi orang-orang yang mengamalkannya.

أَبْـــيَاتُهَا مَيْـــزٌ بِعَدِّ الْجُمَّـــلِ ﴿56﴾ تَارِيْـــخُهَا لِيْ حَيٌّ غُرٍّ جُمَّـــلِ

Bilangan bait nazam ini sebanyak 57 bait mengikut bilangan huruf **Maizun,** dan kiraan ketentuan penanggalannya disesuaikan bilangan huruf **Li Hay Ghur** iaitu, 30/10/1218 H.

سَمَّيْـــتُهَا عَقِيْـــدَةَ الْعَـــوَامِ ﴿57﴾ مِنْ وَاجِبٍ فِي الدِّيْـــنِ بِالتَّمَامِ

Saya menamakan nazam ini dengan ‘Aqidatal ‘Awam yang wajib diyakini dalam urusan agama secara sempurna bagi orang awam, iaitu orang yang baru dalam tahap permulaan belajar.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Semoga Allah ﷻ melimpahkan rahmat dan kesejahteraan ke atas Junjungan kita Muhammad ﷺ, keluarganya dan para sahabatnya.